



## INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

### KESEDARAN GENERASI Z TERHADAP PENGGUNAAN SISTEM TULISAN JAWI

Nurhanis Hidayah Hanijan<sup>1</sup>, Julaina Nopiah<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>*Kulliyah Pelancongan Mampan dan Bahasa Kontemporari, Universiti Islam Antarabangsa  
Malaysia*

\*E-mel pengarang koresponden: [julainanopiah@iium.edu.my](mailto:julainanopiah@iium.edu.my)

#### ABSTRAK

Tulisan Jawi merupakan salah satu warisan daripada khazanah peradaban Islam yang wujud sejak sekitar tahun 1300 Masihi. Pengaruh Islam terhadap bahasa Melayu telah memberi impak yang besar sehingga tulisan Jawi telah dijadikan sebagai bentuk ejaan dalam penulisan bahasa Melayu suatu ketika dahulu. Dalam era teknologi moden ini, tulisan Jawi dilihat semakin dipinggirkan, namun begitu tidak bermakna tulisan Jawi ini terus dilupakan oleh masyarakat. Justeru, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti tahap penguasaan generasi Z terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi serta menganalisis tahap penguasaan generasi Z terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi. Soal selidik secara dalam talian diberikan kepada 30 orang responden yang dipilih secara rawak. Data yang diperolehi dianalisis dalam bentuk carta pai. Dapatan kajian mendapati tahap penguasaan generasi Z terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi berada di tahap memuaskan dengan peratusan keseluruhan responden yang berjaya menjawab soalan mengenai tulisan Jawi melalui soal selidik adalah sebanyak 76 peratus. Hasil kajian membuktikan bahawa tahap penguasaan generasi Z masih lagi berada di tahap yang baik. Oleh itu, pengkaji berharap kajian ini dapat membantu masyarakat supaya mereka lebih tertarik untuk meningkatkan pengetahuan terhadap penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi dan dapat menggunakannya demi mengekalkan keistimewaan tulisan Jawi pada masa akan datang.

***Kata kunci:*** sistem ejaan dan tulisan Jawi, generasi Z, tahap penguasaan, kuantitatif, kualitatif

#### PENGENALAN

Tulisan Jawi merupakan salah satu sistem penulisan yang digunakan untuk menulis bahasa Melayu selain daripada tulisan Rumi yang telah digunakan secara meluas di Malaysia. Penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi telah digunakan secara meluas sejak berabad lagi dan masih digunakan dalam beberapa konteks seperti konteks agama dan tradisi. Tulisan Jawi sememangnya sinonim dengan agama Islam, maka tidak hairanlah mengapa tulisan ini masih digunakan di beberapa negara Islam di dunia terutamanya di Malaysia, Indonesia dan Brunei. Tulisan Jawi telah diserap ke dalam sistem penulisan bahasa Melayu sejak abad ke-10 Masihi lagi. Jika dilihat kembali sejarah perkembangan bahasa Melayu, tulisan Jawi mula diperkenalkan setelah kemasukan pengaruh Arab pada awal abad

ke-14 sekali gus mewujudkan tulisan Arab dalam bahasa Melayu yang dikenali sebagai tulisan Jawi. Penemuan batu bersurat di Sungai Teresat, Kuala Berang, Terengganu pada tahun 1303 Masihi merupakan bukti penggunaan tulisan Arab dalam bahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana kandungan batu bersurat tersebut yang dipercayai berkaitan dengan undang-undang dan hukuman berasaskan Islam itu sepenuhnya ditulis menggunakan huruf Jawi sekali gus membuktikan bahawa tulisan Jawi sudah mula digunakan sejak berabad lagi.

Terdapat juga beberapa pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji lama tentang kewujudan istilah “Jawi”. Salah satu pendapat yang boleh dilihat adalah pendapat oleh Omar Awang yang menyatakan bahawa istilah “Jawi” yang digunakan berasal daripada perkataan Arab “*al-Jawah*” yang merujuk kepada Pulau Sumatera dan menyatakan bahawa orang Arab menamakan tulisan ini sebagai tulisan Jawi untuk merujuk kepada tulisan yang digunakan oleh orang Sumatera yang beragama Islam dan berbahasa Melayu. William Marsden, W.G. Werndly dan Marco Polo turut beranggapan bahawa perkataan “Jawi” dikaitkan dengan perkataan “Jawa” yang merupakan nama lama bagi Pulau Sumatera. Selain itu, terdapat juga pengkaji yang telah menganggap istilah “Jawi” berasal daripada perkataan “Jawa” yang bermaksud Pulau Jawa. Pernyataan ini turut dikemukakan oleh Hamdan Abdul Rahman (2018), dalam bukunya yang bertajuk Panduan Menulis dan Mengeja Jawi. Berbeza dengan pengkaji-pengkaji lain, Stamford Raffles pula menyatakan bahawa perkataan “Jawi” itu dikaitkan dengan orang Melayu yang bersifat kacukan seperti ungkapan “anak Jawi” yang bermaksud anak kacukan yang bapanya berbangsa India dan ibunya berbangsa Melayu begitu juga tulisan Jawi yang merupakan gabungan tulisan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu.

Generasi muda masa kini juga dilihat seakan tidak peduli dengan penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi. Generasi Z yang lahir dalam dunia teknologi moden dan canggih ini merupakan salah satu generasi yang berpotensi tidak menguasai sistem tulisan dan ejaan Jawi. Penguasaan sistem tulisan Jawi dalam kalangan generasi Z di Malaysia telah menunjukkan pelbagai tahap kefahaman dan penggunaannya. Hal ini dikatakan demikian kerana pengaruh teknologi terhadap penguasaan sistem tulisan Jawi dalam kalangan generasi Z amat ketara dan dalam pelbagai bentuk dan cara. Teknologi moden bukan sahaja medium dalam proses pembelajaran, tetapi juga harus dimanfaatkan sebagai medium penyampaian pendidikan Jawi dengan memperkenalkan dan mempopularkan tulisan Jawi kepada generasi muda seperti generasi Z. Dalam era kemodenan ini, seharusnya teknologi moden yang sedia ada seperti perisian dan aplikasi, boleh membuka lebih banyak peluang untuk mempelajari tulisan Jawi dan memberikan lebih banyak medium yang boleh membantu dalam meningkatkan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan generasi Z.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Sistem tulisan Jawi kian dilupakan dan terpinggir sehingga menjadikan kedudukan tulisan Jawi berada dalam keadaan membimbangkan. Sekiranya perkara ini berterusan, dibimbangi tulisan Jawi akan terus dilupakan dan akhirnya pupus. Seiring dengan arus peredaran zaman, tulisan Jawi seakan-akan dibawa pergi bersama dengan kemajuan terutamanya dari segi teknologi. Jika ditanya kepada generasi masa kini, pasti ada di antara mereka yang sudah tidak arif lagi dengan tulisan Jawi malah ada juga yang pastinya sudah tidak tahu lagi untuk menggunakan tulisan Jawi dalam sistem penulisan bahasa Melayu mereka. Generasi Z atau GEN Z merupakan generasi masa kini yang boleh dikatakan lahir dan hidup dalam dunia teknologi yang serba canggih dan moden. Namun begitu, kemodenan telah menyebabkan generasi Z kian meminggirkan kewujudan sistem tulisan dan ejaan Jawi yang pernah menjadi tulisan rasmi bahasa Melayu suatu ketika dahulu.

Jika dilihat kepada situasi masa kini, dapat dirumuskan bahawa majoriti generasi yang lahir dalam golongan generasi Z masih cakna akan kewujudan tulisan Jawi ekoran penggunaan sistem

tulisan Jawi dalam subjek Pendidikan Islam di seluruh Malaysia. Namun, dari segi penguasaannya, hanya segelintir sahaja yang menguasai tulisan Jawi dengan baik. Menurut Alif Fahmi Bin Abdullah (2019), menerusi artikelnya yang bertajuk *Pemeriksaan Tulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar*, beberapa penelitian yang dilakukan terhadap pelajar menunjukkan bahawa penguasaan mereka terhadap tulisan Jawi masih berada pada tahap membimbangkan. Tambah beliau lagi, kesedaran dan minat terhadap tulisan Jawi dalam kalangan pelajar terutamanya remaja masih lagi di tahap yang rendah. Melalui pemerhatian pengkaji juga, tahap penguasaan generasi Z pada masa ini semakin membimbangkan terutamanya dalam kalangan remaja.

Masalah penguasaan tulisan Jawi ini mungkin menjadi masalah yang besar dalam kalangan generasi Z yang tinggal di kawasan bandar-bandar besar atau di luar negeri Johor. Walaupun generasi Z di luar negeri Johor masih cakna akan penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi, namun tahap penguasaan mereka terhadap sistem tulisan Jawi tersebut berbeza. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap rakyat negeri Johor juga diwajibkan bersekolah agama daripada darjah 1 hingga darjah 6 dan menyambung darjah khas selama setahun. Merujuk kepada artikel yang ditulis dalam Portal Kesultanan Johor, Sultan Ibrahim telah mengeluarkan satu peraturan pada tahun 1902 yang mewajibkan pendidikan agama kanak-kanak seawal 7 tahun. Justeru, pengkaji membuat keputusan untuk mengkaji tahap penguasaan generasi Z di Kampung Kesang, Tangkak, Johor terhadap penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi bagi melihat sejauh mana generasi Z di negeri Johor menguasai sistem tulisan dan ejaan Jawi.

## TINJAUAN LITERATUR

### **Kajian Lepas Berkaitan Tahap Penguasaan Tulisan Jawi Dalam Kalangan Pelajar Sekolah**

Kajian yang telah dijalankan termasuklah kajian oleh Normizan Bin Abang, Siti Fatimah Binti Ahmad dan Zamri Bin Rajab pada tahun 2007 yang memfokuskan kepada tahap penguasaan huruf tunggal Jawi dalam kalangan murid tahun 1 kelas pemulihan Jawi Program j-QAF dengan menggunakan metode seperti kaedah temu bual, pemerhatian dan ujian mengecam serta menulis huruf Jawi bagi mendapatkan data. Hasil kajian ini mendapati bahawa majoriti responden boleh membaca hampir semua huruf Jawi begitu juga dari aspek menulis huruf Jawi. Secara keseluruhannya, kesemua responden berjaya menguasai aspek-aspek seperti mengenal, membaca dan menulis Jawi dengan baik sekali gus menunjukkan keberkesanan kelas pemulihan tersebut. Melalui kajian ini juga, dapat dibuktikan bahawa murid yang lemah dan tercicir dalam pelajaran juga mampu menguasai tulisan Jawi sekiranya mereka diberikan pencerahan secara kerap dan strategik.

Kajian terhadap pelajar sekolah rendah juga telah dijalankan oleh Mimijuana Binti Ahmad (2014) yang mengkaji penguasaan kemahiran membaca dan menulis Jawi dalam kalangan murid tahun 2. Menerusi kaedah temu bual dan pemerhatian serta soal selidik, hasil kajian mendapati bahawa tahap penguasaan Jawi dalam kalangan responden berada pada tahap lemah dengan purata hampir separuh daripada responden gagal untuk menyambung huruf-huruf Jawi yang diberikan. Dapatan kajian ini turut disokong oleh dapatan kajian oleh Muhammad Lutfi bin Ahmad (2016) yang turut menjalankan kajian penguasaan kemahiran menulis Jawi dalam kalangan murid tahun 2. Hasil kajian yang diperolehi melalui soal selidik terhadap 30 orang responden yang lemah dalam pendidikan Jawi ini telah dianalisis menggunakan kaedah SPSS dan mendapati kelemahan para pelajar dalam menguasai kemahiran menulis Jawi ini. Pada pendapat pengkaji, tahap penguasaan kemahiran Jawi yang lemah dalam kalangan pelajar ini masih boleh diperbaiki sekiranya mereka terus didedahkan dengan penggunaan tulisan Jawi ini kerana mereka masih lagi berada pada tahap umur setahun jagung,

justeru itu, lebih mudah untuk mereka menerima pengajaran yang diberikan dan mengaplikasikannya dalam aktiviti harian mereka.

Selain itu, Aminuddin Saimon et al. (2023) turut menjalankan kajian mengenai tahap penguasaan tulisan Jawi yang dijalankan dalam kalangan pelajar tahun 4 di Sekolah Kebangsaan Panchor, Muar, Johor. Kajian yang menggunakan kaedah campuran pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif ini telah mendapatkan data kajian melalui kaedah soal selidik berbentuk ujian bagi melihat sejauh mana penguasaan responden mereka terhadap tulisan Jawi. Hasil kajian mendapati bahawa majoriti responden mahir dalam kemahiran menulis sekali gus meletakkan mereka di tahap cemerlang kerana peratusan pelajar yang mahir menulis Jawi lebih tinggi berbanding pelajar yang tidak mahir. Bagi ujian membaca pula, lebih 50 peratus daripada responden didapati mahir dan boleh membaca teks Jawi dengan lancar. Perkara ini dapat dibuktikan dengan masa yang diambil untuk responden membaca teks Jawi adalah dalam lingkungan 1 hingga 5 minit sahaja. Namun begitu, masih ramai responden yang kurang lancar dalam membaca teks dan segelintir daripadanya gagal untuk membaca keseluruhan teks Jawi yang diberikan.

Berbeza dengan kajian-kajian sebelum ini, kajian oleh Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad dan Azman Ahmad (2016) pula menjalankan kajian mereka terhadap pelajar sekolah rendah agama. Data kajian ini diperolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada 100 orang responden dan dianalisis menggunakan SPSS. Hasil kajian mendapati keupayaan membaca dan menulis responden berada di tahap sederhana kerana majoriti peratus daripada responden bersetuju dengan pernyataan bahawa mereka dapat menyambung huruf-huruf Jawi dengan baik. Perkara ini juga telah mempengaruhi kemahiran Jawi mereka yang lain kerana asas kepada pendidikan Jawi merupakan aspek menulis. Menerusi kajian yang dijalankan ini, dapat dibuktikan bahawa tidak semestinya pelajar di sekolah yang berteraskan agama ini menguasai pendidikan Jawi seperti yang telah diuar-uarkan oleh masyarakat. Perkara ini juga menunjukkan bahawa sekolah rendah agama juga seharusnya didedahkan dengan penggunaan tulisan Jawi secara kerap supaya pelajar-pelajar dapat menguasainya dan mengaplikasikan kemahiran Jawi mereka ini dalam kehidupan mereka.

Kajian oleh Asmahanis Ayuti Binti Md Yusuf (2020) turut mengkaji tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi dalam kalangan pelajar namun melibatkan pelajar menengah rendah di SMK Taman Kenari dan mendapatkan data kajiannya melalui kaedah soal selidik yang diedarkan kepada 300 orang responden. Hasil kajian mendapati bahawa tahap penguasaan Jawi pelajar SMK Taman Kenari dari aspek kemahiran membaca dan menulis tulisan Jawi ini berada di tahap yang memberangsangkan apabila majoriti responden menyatakan setuju dengan beberapa soalan soal selidik mengenai kemahiran Jawi mereka baik dari aspek membaca mahupun menulis Jawi. Perkara ini membuktikan bahawa responden masih lagi menguasai pendidikan Jawi dan masih mampu menggunakan kemahiran Jawi mereka dalam soal selidik yang diberi. Melalui kajian ini, dapat dirumuskan bahawa pelajar sekolah menengah yang juga merupakan generasi baru juga masih mempunyai kemahiran dalam pendidikan Jawi walaupun terdapat banyak faktor yang menjadi kekangan mereka dalam proses mempelajari pendidikan Jawi ini.

## **METODOLOGI**

Metodologi kajian merujuk kepada kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk menjalankan sesuatu penyelidikan atau kajian yang merangkumi beberapa langkah seperti mereka bentuk, mengumpul data, menganalisis data sesebuah kajian. Metodologi kajian memainkan peranan yang penting dalam sesebuah penyelidikan kerana pengkaji harus memilih metodologi yang tepat bagi memastikan penyelidikan yang dijalankan berkesan dan berkualiti serta memberikan sumbangan

pengetahuan dalam bidang yang dikaji. Kajian ini merupakan kajian berbentuk campuran yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan pendekatan kualitatif bagi mendapatkan data kajian.

Bagi kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif bagi mendapatkan data objektif pertama dengan mengedarkan soal selidik berbentuk *Google Form* yang diedarkan kepada 30 orang responden terdiri daripada remaja yang menetap di Kampung Kesang, Tangkak, Johor. Semua data yang telah dianalisis dibentangkan dalam bentuk carta pai bagi menunjukkan bilangan dan peratusan responden terhadap soalan-soalan yang diberi. Pendekatan kualitatif pula digunakan bagi mendapatkan data objektif kedua. Kaedah temu bual tidak berstruktur dijalankan kepada 2 orang informan yang dipilih secara rawak. Bagi menganalisis data objektif kedua pula, pengkaji telah mengalihkan semua data temu bual tidak berstruktur yang diperolehi ke dalam bentuk tulisan menggunakan teknik transkripsi audio ke dalam bentuk teks. Semua data yang telah ditranskripsi akan disenaraikan dalam bentuk jadual bagi memudahkan pengkaji menganalisis aspek kesalahan yang dilakukan oleh responden semasa menggunakan sistem tulisan dan ejaan Jawi

### DAPATAN KAJIAN


Berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada responden, terdapat 4 bahagian soalan mengandungi ejaan dan tulisan Jawi yang dibahagikan mengikut tahap, iaitu tahap pertama, iaitu perkataan Jawi mudah, diikuti tahap kedua, iaitu perkataan Jawi yang menggunakan tambahan huruf hamzah (ء) atau tidak menggunakan huruf vokal Alif (ا), Waw (و) dan Ya (ي). dalam ejaannya. Tahap seterusnya ialah tahap ketiga yang mengandungi perkataan Jawi yang terdiri daripada kata pinjaman dari bahasa lain seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris diikuti dengan tahap keempat, iaitu variasi perkataan Jawi seperti kata terbitan, kata majmuk, kata sendi nama, kata ganti nama diri dan penggunaan partikel -lah. Dapatan kajian yang diperolehi melalui soal selidik ini diubah ke dalam bentuk carta pai dan dianalisis mengikut tahap soalan yang dikemukakan.

Tahap	Peratus (%)
Sangat memuaskan	85 ke atas
Memuaskan	70 hingga 84
Kurang memuaskan	50 hingga 69
Tidak memuaskan	0 hingga 49

Sumber: Zaharani Ahmad dan Teressa Jabar (2010)

**TAHAP 1**

SOALAN	BETUL		SALAH		JUMLAH PERATUSAN (%)
	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	
1	29	96.7	1	3.3	100
2	23	76.7	7	23.3	100
3	22	73.3	8	26.7	100
4	27	90	3	10	100
5	17	56.7	13	43.3	100
6	29	96.7	1	3.3	100
7	29	96.7	1	3.3	100
8	28	93.3	2	6.7	100
9	25	83.3	5	16.7	100
10	29	96.7	1	3.3	100
	<b>258</b>	<b>86</b>	<b>42</b>	<b>14</b>	<b>100</b>



**Rajah 4.47**


Secara keseluruhannya, bagi soalan yang terkandung dalam tahap 1 ini, seperti yang telah dibentangkan dalam rajah 4.47 di atas, 86 peratus daripada 100 peratus responden berjaya menjawab soalan yang diberikan dalam tahap ini dengan betul dan hanya 14 peratus responden

sahaja yang gagal menjawab soalan yang diberi dengan betul. Peratusan yang tinggi ini menjadikan tahap penguasaan responden terhadap penggunaan tulisan dan ejaan Jawi berada di tahap sangat memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam tahap 1 ini, responden diberikan soalan-soalan menjawikan dan merumikan perkataan yang terdiri daripada perkataan Jawi asas dan mudah untuk dieja oleh responden. Justeru itu, majoriti responden dapat memilih jawapan yang betul bagi kesemua soalan yang diberi sekali gus menunjukkan bahawa generasi Z ini masih lagi cakna tentang penggunaan tulisan dan ejaan Jawi dan berjaya mengenali huruf-huruf Jawi dengan kebolehan mengeja dan membaca perkataan asas Jawi.

## TAHAP 2

SOALAN	BETUL		SALAH		JUMLAH PERATUSAN (%)
	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	
1	18	60	12	40	100
2	28	93.3	2	6.7	100
3	7	23.3	23	76.7	100
4	14	46.7	16	53.3	100
5	24	80	6	20	100
6	30	100	0	0	100
7	28	93.3	2	6.7	100
8	25	83.3	5	16.7	100
9	28	93.3	2	6.7	100
10	21	70	9	30	100
	<b>223</b>	<b>74</b>	<b>77</b>	<b>26</b>	<b>100</b>

KESEDARAN GENERASI Z TERHADAP PENGGUNAAN SISTEM TULISAN JAWI



Rajah 4.48


Bagi keseluruhan soalan yang terkandung dalam tahap 2 ini, merujuk dapatan kajian seperti yang telah ditunjukkan dalam rajah 4.48, didapati bahawa 74 peratus daripada 100 peratus responden berjaya memberikan jawapan yang betul bagi soalan-soalan yang terkandung dalam ujian tahap ini dan hanya 26 peratus responden sahaja yang gagal memberikan jawapan yang betul. Peratusan responden yang berjaya menjawab dengan betul bagi tahap 2, iaitu sebanyak 74 peratus ini telah menjadikan tahap penguasaan responden terhadap penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi bagi tahap ini berada di tahap memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana responden telah berjaya membuktikan bahawa mereka masih boleh mengeja perkataan Jawi dengan baik walaupun perkataan Jawi yang diuji dalam tahap 2 ini merupakan perkataan Jawi yang boleh dikatakan di peringkat sederhana kerana kesemua perkataan yang diuji merangkumi perkataan yang telah mengalami penambahan huruf Hamzah (ء), pengguguran huruf vokal Alif (ا), Waw (و) dan Ya (ي) dan ejaan yang menggunakan huruf tambahan Jawi seperti huruf Nga (ڠ) dan Ca (ڤ). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa generasi Z ini masih lagi mengenali huruf-huruf Jawi yang sukar dan tahu akan bunyi huruf tersebut berserta penggunaannya dalam mewujudkan sesuatu perkataan sekali gus membuktikan bahawa mereka masih ambil peduli tentang penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi ini.

**TAHAP 3**

SOALAN	BETUL		SALAH		JUMLAH PERATUSAN (%)
	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	
1	11	36.7	19	63.3	100
2	19	63.3	11	36.7	100
3	22	73.3	8	26.7	100



4	22	73.3	8	26.7	100
5	6	20	24	80	100
6	26	86.7	4	13.3	100
7	25	83.3	5	16.7	100
8	27	90	3	10	100
9	25	83.3	5	16.7	100
10	23	76.7	7	23.3	100
	<b>206</b>	<b>69</b>	<b>94</b>	<b>31</b>	<b>100</b>




Rajah 4.49

Bagi keseluruhan soalan yang diberikan dalam tahap 3, merujuk kepada rajah 4.49 di atas, didapati bahawa hanya 69 peratus responden daripada keseluruhan 100 peratus yang berjaya menjawab soalan-soalan yang diberi dengan betul menjadikan tahap penguasaan responden terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi bagi tahap ini berada di tahap kurang memuaskan. Perkara ini terjadi kerana soalan-soalan yang diuji dalam tahap 3 ini mengandungi perkataan-perkataan Jawi yang dipinjam dan diserap daripada bahasa lain seperti bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Justeru, responden yang kurang cakna akan penggunaan kata pinjaman ini berkemungkinan gagal untuk mengenal pasti perkataan yang diberi dan berakhir memilih jawapan yang salah bagi soalan-soalan yang diberi. Namun begitu, tahap penguasaan responden bagi tahap ini tidaklah jauh merosot sehingga ke tahap yang lebih teruk kerana masih lebih dari 50 peratus responden yang boleh menjawab dengan betul menjadikan generasi Z ini masih mempunyai sedikit pengetahuan berkenaan perkataan Jawi yang dipinjam dan diserap daripada bahasa-bahasa lain dan mengenali ejaan Jawi yang digunakan untuk mengeja perkataan-perkataan tersebut.

**TAHAP 4**

SOALAN	BETUL		SALAH		JUMLAH PERATUSAN (%)
	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	
1	24	80	6	20	100
2	20	66.7	10	33.3	100
3	11	36.7	19	63.3	100
4	23	76.7	7	23.3	100
5	13	43.3	17	56.7	100
6	28	93.3	2	6.7	100
7	25	83.3	5	16.7	100
8	28	93.3	2	6.7	100
9	30	100	0	0	100
10	27	90	3	10	100
	<b>229</b>	<b>76</b>	<b>71</b>	<b>24</b>	<b>100</b>



**Rajah 4.50**

Bagi soalan-soalan yang ditanya dalam tahap 4 ini, dapat disimpulkan bahawa tahap penguasaan responden terhadap penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi bagi tahap 4 ini berada di tahap

memuaskan kerana seperti yang telah ditunjukkan dalam rajah 4.50, secara keseluruhannya, sebanyak 76 peratus responden berjaya menjawab soalan-soalan ini dengan betul. Perkara ini sekali gus telah membuktikan bahawa responden yang juga generasi Z ini masih mengetahui perkataan-perkataan yang sukar dalam sistem tulisan dan ejaan Jawi ini kerana soalan-soalan yang terkandung dalam tahap 4 ini sendiri merupakan perkataan-perkataan Jawi yang terdiri daripada gabungan pelbagai jenis penulisan kata, iaitu kata terbitan, kata majmuk, kata sendi nama, kata ganti nama diri dan juga perkataan yang mempunyai tambahan partikel-lah. Justeru itu, perkataan-perkataan yang berada di tahap 4 ini sukar untuk dikenal pasti sekiranya seseorang itu tidak menguasai sistem tulisan dan ejaan Jawi ini dengan baik.

### Keseluruhan Tahap Penguasaan Generasi Z Terhadap Sistem Tulisan Dan Ejaan Jawi

TAHAP	BETUL		SALAH		JUMLAH PERATUSAN (%)
	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	JUMLAH (Orang)	PERATUSAN (%)	
1	258	86	42	14	100
2	223	74	77	26	100
3	206	69	94	31	100
4	229	76	71	24	100
	<b>916</b>	<b>76</b>	<b>284</b>	<b>24</b>	<b>100</b>



Rajah 4.51

Berdasarkan jadual dan rajah di atas, dapatan kajian mendapati bahawa bagi keseluruhan tahap penguasaan responden terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi yang merangkumi kesemua tahap yang disoal dalam soal selidik, iaitu tahap 1, tahap 2, tahap 3 dan tahap 4, sebanyak 76 peratus daripada keseluruhan 100 peratus responden yang menjawab soalan-soalan yang diberi dengan betul. Peratusan

keseluruhan yang diperoleh ini menjadikan tahap penguasaan responden yang turut merupakan generasi Z, terhadap penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi berada di tahap memuaskan.

Merujuk kepada dapatan kajian yang diperoleh, tahap penguasaan sistem tulisan dan ejaan Jawi dalam kalangan generasi Z yang disoal selidik bagi kajian ini berada di tahap memuaskan adalah kerana majoriti responden merupakan pelajar sekolah agama. Tahap penguasaan Jawi yang baik dalam kalangan generasi Z bagi kajian ini juga adalah disebabkan lokasi kajian dijalankan, iaitu di Kampung Kesang, Tangkak, Johor. Seperti yang telah diketahui umum, kerajaan negeri Johor sangat mementingkan pendidikan agama dalam kalangan anak bangsa sehingga mewujudkan sistem pendidikan agama formal yang dikenali sebagai Sekolah Agama Petang Kerajaan Johor di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Melalui sistem ini juga, kerajaan Johor melalui Jabatan Agama telah mengarahkan agar ibu bapa dan sekolah Melayu di negeri Johor untuk menghantar anak-anak dan para pelajar mereka menghadiri Sekolah Agama Johor bagi mendapatkan pendidikan agama yang secukupnya. (Fadilah Zaini dan Irmawati Norazman, 2020) Justeru, mereka sudah mempunyai asas tulisan Jawi seawal usia 7 tahun lagi dan penguasaan terhadap tulisan Jawi mereka menjadi lebih baik setelah mendapat pendidikan agama di sekolah agama yang kesemua sistem pendidikannya menggunakan tulisan Jawi.

Dapatan kajian yang diperoleh telah membuktikan bahawa tahap penguasaan Jawi dalam kalangan generasi Z bukanlah berada di tahap yang lemah seperti yang diperkatakan oleh rata-rata masyarakat. Kenyataan ini turut disokong oleh pernyataan daripada hasil temu bual bersama informan, kedua-dua informan menyatakan bahawa mereka tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa tahap penguasaan generasi Z terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi berada di tahap sangat lemah kerana pada pandangan mereka sendiri, tahap penguasaan sistem tulisan dan ejaan Jawi dalam kalangan generasi Z boleh dikatakan berada di tahap pertengahan. Menurut mereka lagi, tahap penguasaan generasi Z terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi juga masih boleh ditambah baik sekiranya diasah dan diberikan motivasi serta dorongan untuk mereka menguasai sistem tulisan dan ejaan Jawi.

#### **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh, terdapat beberapa faktor yang berkemungkinan menjadi pendorong beberapa responden tidak menguasai tulisan Jawi dengan baik. Melalui temu bual yang dijalankan bersama informan, pengkaji mendapati terdapat beberapa faktor yang telah menjadi pendorong generasi Z tidak menguasai sistem tulisan dan ejaan Jawi. Menurut informan pertama, antara faktor tahap penguasaan generasi Z terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi ialah kurangnya penggunaan tulisan Jawi dalam media dan penerbitan. Hal ini dikatakan demikian kerana jika dilihat pada masa ini sangat sukar untuk penggunaan tulisan Jawi ditemui dalam media cetak seperti buku, akhbar dan majalah selain daripada kandungan buku teks Pendidikan Islam di sekolah sedangkan suatu ketika dahulu penulisan surat khabar juga menggunakan tulisan Jawi. Namun begitu, penggunaan sistem tulisan Jawi dalam penulisan media cetak kini hanya digunakan dalam bahagian-bahagian tertentu sahaja seperti segmen khas Jawi. Selain itu, bahan bacaan yang ditulis dalam tulisan Jawi pada masa ini juga terbatas dan kurang menarik bagi generasi muda sehingga menyebabkan mereka lebih cenderung untuk membaca bahan bacaan yang ditulis dalam tulisan Rumi. Perkara ini menjadikan masyarakat kurang peka dengan penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi kerana beranggapan bahawa tulisan Jawi ketinggalan zaman dan tidak relevan lagi untuk dipelajari dan dikuasai.

Manakala informan 2 pula berpendapat bahawa faktor yang mendorong kemerosotan tahap penguasaan sistem tulisan dan ejaan Jawi dalam kalangan generasi Z adalah kerana kurangnya penekanan kepada al-Quran. Seperti yang sudah diketahui, al-Quran ditulis dalam tulisan Arab yang

juga melibatkan huruf Jawi. Menurut informan 2 lagi, penguasaan terhadap penggunaan tulisan Jawi bermula daripada huruf al-Quran itu sendiri dan disebabkan mereka tidak mengenali huruf-huruf tersebut, maka mereka tidak boleh membaca al-Quran sekali gus tidak boleh membaca tulisan Jawi. Justeru, sekiranya seseorang itu tidak memberi penekanan terhadap pembacaan al-Quran, sedikit sebanyak perkara tersebut pasti akan memberi kesan kepada penguasaan tulisan Jawi mereka. Melalui perkara ini, dapat dibuktikan bahawa betapa pentingnya penguasaan tulisan Jawi dalam hidup seseorang kerana penguasaan tulisan Jawi itu sendiri dapat membantu generasi Z membaca al-Quran yang merupakan pegangan hidup bagi semua umat Islam.

Walaupun terdapat banyak faktor yang mendorong kemerosotan tahap penguasaan generasi Z terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi, tidak bermakna tiada cara untuk generasi Z lakukan bagi meningkatkan tahap penguasaan sistem tulisan dan ejaan Jawi dalam diri mereka. Merujuk kepada hasil temu bual bersama informan, kedua-dua informan menyatakan bahawa masih ada harapan untuk generasi Z menguasai sistem tulisan dan ejaan Jawi dengan baik. Menurut informan 1, bagi menanam semula kemahiran berkenaan tulisan Jawi, generasi Z sendiri harus memainkan peranan dalam usaha meningkatkan penguasaan terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi, namun begitu, ibu bapa juga seharusnya mendorong anak-anak untuk menguasai tulisan Jawi kerana tanpa dorongan, anak-anak akan hilang minat untuk mempelajarinya. Selain ibu bapa, guru-guru juga harus memainkan peranan dalam mendorong para pelajar untuk menguasai tulisan Jawi, iaitu dengan mencari inisiatif baharu bagi menggalakkan pelajar menguasai tulisan Jawi seperti memvariasikan proses pembelajaran pelajar agar mereka tertarik untuk mempelajari perkara tersebut.

Seterusnya, menurut informan 2 pula, cara yang boleh dilakukan untuk membantu meningkatkan penguasaan tulisan Jawi dalam kalangan generasi Z adalah dengan mengadakan aktiviti melibatkan penggunaan tulisan Jawi setiap kali kelas Pendidikan Islam bermula seperti contoh meminta para pelajar mengemukakan sekurang-kurangnya dua perkataan Jawi yang mereka tahu dan menjelaskan pemahaman mereka terhadap perkataan tersebut di samping berkongsi ilmu dengan rakan-rakan sekelas yang lain. Aktiviti ini sedikit sebanyak akan memupuk semangat ingin menguasai tulisan Jawi dalam diri para pelajar sekali gus meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi. Selain itu, informan 2 juga menyatakan bahawa generasi Z seharusnya didedahkan dengan sejarah tulisan Jawi di Malaysia supaya mereka mengetahui jati diri, kebudayaan dan cara hidup orang Melayu suatu ketika dahulu dan mendedahkan kepada mereka betapa pentingnya tulisan Jawi suatu ketika dahulu.

## **KESIMPULAN**

Kemahiran dan penguasaan generasi Z terhadap penggunaan sistem tulisan dan ejaan Jawi memainkan peranan yang penting kerana melalui kemahiran dan penguasaan tulisan Jawi, generasi Z dapat dihubungkan dengan warisan budaya dan sejarah Malaysia serta memperkukuh identiti dan jati diri mereka sebagai orang Melayu dan rakyat Malaysia. Penguasaan terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi juga membolehkan generasi Z mengakses dan meneliti sumber-sumber tradisional seperti teks keagamaan dan sastera klasik seperti hikayat-hikayat menjadi hiburan masyarakat zaman dahulu serta membantu generasi Z meningkatkan kemahiran bahasa dan literasi mereka.

Oleh itu, dorongan sepenuhnya harus diberikan kepada generasi Z yang ingin meningkatkan tahap penguasaan mereka terhadap sistem tulisan dan ejaan Jawi untuk menanam rasa bangga dalam diri terhadap warisan budaya dan identiti bangsa mereka. Dorongan daripada pihak kerajaan dan masyarakat sekeliling akan membantu menghilangkan perasaan malu generasi Z dan menunjukkan bahawa tulisan Jawi masih relevan dalam era modenisasi ini. Sokongan yang positif juga akan memberikan generasi Z inspirasi dan rasa tanggungjawab untuk mereka memelihara warisan ini sekali

gus memotivasikan generasi Z untuk lebih berani dalam menguasai tulisan Jawi dan memastikan tulisan Jawi akan kekal dan relevan pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Adam Hafiz Ahmad. (2024). *Kehilangan Tulisan Jawi di Tanah Melayu dan Peranan Pemeliharaannya*. MyBERITA. [https://www.myberitaterkini.com/2024/01/kehilangan-tulisan-jawi-di-tanah-melayu.html?m=1#google\\_vignette](https://www.myberitaterkini.com/2024/01/kehilangan-tulisan-jawi-di-tanah-melayu.html?m=1#google_vignette)
- Alif Fahmi Bin Abdullah. (2019). *Pemeriksaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar*. <https://www.kpbkl.edu.my/2019/wp-content/uploads/2020/11/35.-Artikel-KPBKL-pemeriksaan-tulisan-jawi-dalam-kalangan-pelajar.pdf>
- Aminuddin Saimon, Siti Nurshahqira Sheikh Mohd Fauzi, Nuwaira Zafira Zafri, Nur Azmina Izzatulrazan Ibrahim, & Nur Aqilah Abd Halim (2023). Tahap Penguasaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Murid Tahun 4 di Sekolah Kota Raja, Panchor, Muar, Johor. *PENDETA*, 14(2), 71-82.
- Asmahanis Ayuti Md Yusuf. (2020, 1 Januari). *Tahap Penguasaan Kemahiran Membaca dan Menulis Tulisan Jawi dalam Kalangan Pelajar Menengah Rendah Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kenari*. Academia.edu. <https://www.academia.edu/95010295>
- Muhammad Lutfi bin Ahmad. (2016, Julai). *Penguasaan Kemahiran Menulis Jawi Tahap Satu di Kalangan Murid Tahun Dua*. <https://e-imiyyaz.usim.edu.my/server/api/core/bitstreams/a001aa4f-8f1a-4772-a6e8-f1cb54c546d3/content>
- Normizan Bin Abang, Siti Fatimah Binti Ahmad, & Zamri Bin Rajab. (2007, Januari). *Tahap Penguasaan Huruf Tunggal Jawi dalam Kalangan Murid Tahun Satu Kelas Pemulihan Jawi Program j-QAF*. <https://www.researchgate.net/publication/303939500>
- Pendidikan. Portal Kesultanan Johor. (n.d.). <https://royal.johor.my/pendidikan-dan-pelajaran/>
- Suhana Abd Hamid, Ahmad Marzuki Mohamad & Azman Ahmad (2001). Statistik Penguasaan Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah Agama. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2, 50-63.